Child Rights Action Hub
Malaysia

german cooperation DEUTSCHE ZUSAMMENARBEIT

Implemented by giz Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH

THE CENTRE FOR CHILD RIGHTS AND BUSINESS

HAK KANAK-KANAK DI MALAYSIA

Poster ini dihasilkan oleh The Centre sebagai sebahagian daripada projek kerjasama yang dibiayai oleh Kementerian Persekutuan Jerman bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (BMZ) dan dilaksanakan oleh Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH serta Nestlé. Poster ini bertujuan membantu ahli komuniti, wakil syarikat dan pihak dalam rantaian bekalan memahami serta melindungi hak kanak-kanak.

Siapakah kanak-kanak?

Semua negara, termasuk Malaysia, bersetuju bahawa kanak-kanak ialah semua individu yang berumur di bawah 18 tahun. Ini berdasarkan Konvensyen Hak Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCRC).

Dari umur 0 - 17, anda di anggap kanak-kanak dan mempunyai hak istimewa.

Apabila anda mencapai umur 18, anda dianggap sebagai orang dewasa

Apakah hak kanak-kanak?

Menurut UNCRC, semua kanak-kanak mempunyai hak asasi dan mereka perlu dijaga serta dilindungi. Hak asasi kanak-kanak telah diringkaskan di bawah:

Hak untuk hidup

- Persekitaran yang bersih dan selamat
- Makanan dan air minuman yang mencukupi
- Keselamatan fizikal
- Tempat tinggal yang sesuai
- Rawatan kesihatan

Hak untuk membesar & berkembang

- Mendapat pendidikan
- Aktiviti budaya dan bersukan
- Mendapat pengalaman baik
- Mempelajari kemahiran baru

Hak untuk dilindungi

- Dijaga dengan baik
- Bebas daripada sebarang gangguan
- Bebas daripada diskriminasi dan eksploitasi
- Persekitaran yang selamat

Hak untuk mengambil bahagian

- Menyuarakan pandangan dan pendapat didengari
- Dihormati
- Difahami
- Merasa diri dihargai dan diterima

Siapa yang bertanggungjawab menjaga hak kanak-kanak?

Semua orang! Sebagai orang dewasa, kita mesti memastikan semua kanak-kanak dilindungi daripada bahaya, tanpa mengira kewarganegaraan atau status mereka.

Ibu bapa, majikan, kerajaan dan organisasi dalam komuniti semuanya bertanggungjawab memastikan kanak-kanak mendapat:

Kasih sayang, penjagaan dan perlindungan

Makanan, tempat tinggal, rawatan kesihatan dan pendidikan

Perlindungan daripada penderaan, pengabaian dan eksploitasi

Sokongan untuk perkembangan emosi, akhlak dan sosial

Child Rights Action Hub
Malaysia

german cooperation DEUTSCHE ZUSAMMENARBEIT

Implemented by giz Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH

THE CENTRE FOR CHILD RIGHTS AND BUSINESS

HAK KANAK-KANAK DI MALAYSIA

Hak manakah yang berisiko untuk kanak-kanak (di komuniti kita) ?

Hak mendapat perlindungan

Apabila kanak-kanak mula bekerja pada usia yang terlalu muda, melakukan kerja yang berbahaya, atau mengalami keganasan atau penderaan. Kanak-kanak perempuan pula dipaksa berkahwin tanpa kerelaan mereka.

Hak mendapat pendidikan

Apabila tiada sekolah yang berdekatan, tiada pengangkutan ke sekolah, atau kanak-kanak tanpa kewarganegaraan atau tanpa sijil kelahiran tidak dapat bersekolah.

Hak kepada Kesihatan dan keselamatan

Apabila kanak-kanak tidak mendapat makanan yang mencukupi dan berkhasiat, serta terdapat risiko keselamatan dalam komuniti, terutama kepada kanak-kanak yang lebih terdedah kepada bahaya. Sesetengah kanak-kanak bergantung kepada air hujan yang tidak dirawat sebagai air minuman harian, yang boleh menjejaskan kesihatan mereka dalam jangka panjang. Jarak yang jauh ke klinik atau hospital juga menyukarkan mereka mendapatkan rawatan kesihatan.

Apa akan berlaku jika hak kanak-kanak tidak dijaga?

Ia bergantung kepada jenis hak yang dicabuli serta tahap keseriusan pencabulan tersebut..

Kanak-kanak mungkin cedera, takut atau berasa tidak selamat

Mereka mungkin merasakan suara mereka tidak didengari

Orang dewasa dan Kerajaan perlu melindungi dan mendengar pandangan mereka

Orang dewasa dan Kerajaan harus bantu mereka untuk pulih dan memastikan ia tidak berulang

Apakah yang boleh anda lakukan untuk memastikan kanak-kanak dalam komuniti anda selamat dan sihat?

Anda boleh menganjurkan aktiviti seperti program keibubapaan, program kesedaran perlindungan kanak-kanak melalui usaha-usaha yang sedia ada seperti **Change Maker Programme** di bawah **Child Rights Action Hub Sabah**. Syarikat dan komuniti juga boleh menghubungi Child Rights Action Hub untuk mendapatkan panduan dan sokongan berkaitan perlindungan kanak-kanak.

Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah bertujuan sebagai panduan umum sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai nasihat undang-undang. The Centre tidak bertanggungjawab dan tidak menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan ketepatan, penggunaan atau pergantungan terhadap mana-mana maklumat yang disediakan.